

SOALAN LAZIM PEMBUKAAN AKAUN DALAM TALIAN LANGSUNG

Bahagian A: Jika anda adalah pelanggan Akaun Semasa/Simpanan/-i dan/atau DURIAN-i ("CIMB Account/-i") CIMB baru (Pelanggan tanpa CIMB Account/-i)

1. Apakah pembukaan akaun dalam talian langsung?

Pembukaan akaun dalam talian langsung membenarkan pelanggan yang tidak mempunyai sebarang CIMB Account/-i untuk membuka CIMB Account/-i dalam talian langsung melalui laman sesawang CIMB di www.cimb.com.my, tanpa perlu ke cawangan CIMB.

2. Apakah akaun yang boleh dibuka sepenuhnya secara dalam talian langsung?

Akaun-akaun berikut adalah tersedia sekarang:

- i. [Akaun AirAsia Savers](#)
- ii. [Akaun Simpanan](#)
- iii. [Akaun Simpanan Asas memerlukan fi tahunan](#)
- iv. [Akaun Simpanan Asas tanpa fi tahunan](#)
- v. [Akaun Simpanan EcoSave-i](#)
- vi. [Akaun Simpanan Asas-i memerlukan fi tahunan](#)
- vii. [Akaun Simpanan Asas-i tanpa fi tahunan](#)
- viii. [Akaun Semasa Biasa](#)
- ix. [Akaun Semasa-i](#)
- x. [Akaun Semasa Asas](#)
- xi. [Akaun Semasa Asas-i](#)
- xii. [Akaun Prime](#)
- xiii. [Akaun Pelaburan Harian Tanpa Had-i \(DURIAN-i\)](#)

3. Siapakah yang layak untuk membuka CIMB Account/-i secara dalam talian langsung?

- Anda tidak memiliki sebarang CIMB Account/-i.
- Anda mesti merupakan warganegara Malaysia yang memegang MyKad/Kad Pengenalan yang sah.
- Anda mesti berumur 18 tahun dan ke atas.
- Anda mesti memegang nombor mudah alih berdaftar Malaysia dan alamat e-mel yang sah.
- Anda mesti mempunyai akaun semasa/-i dan/atau akaun simpanan/-i sedia ada atas nama tunggal anda dengan bank lain di Malaysia.
- Permohonan sendiri sahaja.
- Anda mesti mempunyai alamat surat-menyurat di Malaysia untuk tujuan penghantaran kad debit.

4. Bagaimana saya boleh membuka akaun melalui platform ini?

Layari www.openaccount.cimb.com.my, ATAU layari laman sesawang jenis akaun yang anda ingin buka melalui pautan produk dinyatakan dalam Soalan 2, klik "Mohon Sekarang" dan ikuti langkah-langkah yang ditunjukkan di skrin.

5. Saya telah memulakan proses pembukaan akaun, bolehkah saya berhenti dan menyambung permohonan kemudian?

Ya, anda boleh menyambung permohonan anda dalam tempoh 30 hari kalendar dari tarikh permohonan awal supaya anda tidak perlu memulakan semula permohonan anda.

Untuk menyambung permohonan anda:

Langkah 1: Lawati www.cimb.com.my/cimbsa dan klik "Sambung Sekarang".

Langkah 2: Masukkan nombor MyKad dan nombor telefon bimbit yang anda gunakan untuk permohonan

Langkah 3: Mohon SMS OTP untuk tujuan pengesahan

6. Nama penuh saya dan/atau nombor MyKad/Kad Pengenalan saya tidak direkodkan dengan betul daripada MyKad/Kad Pengenalan. Bolehkah saya mengedit atau meminda maklumat ini?

Pengeditan atau pemindaan maklumat ini tidak dibenarkan. Platform ini memiliki kemampuan Pengenalan Watak Optik (OCR) untuk merakam maklumat anda dengan mengimbas MyKad anda. Anda akan diminta untuk mengesahkan bahawa nama penuh anda dan nombor MyKad adalah seperti yang tertera di MyKad/Kad Pengenalan. Jika terdapat sebarang perbezaan, anda boleh mengimbas semula MyKad/Kad Pengenalan. anda dengan menekan butang 'Imbas semula MyKad' (boleh dilakukan beberapa kali).

Nota: Pastikan bahawa nama penuh anda, nombor MyKad/ Kad Pengenalan. , dan alamat tetap adalah sama seperti yang tertera di MyKad/ Kad Pengenalan anda. CIMB boleh menolak permohonan anda dan menutup akaun anda jika terdapat sebarang perbezaan maklumat.

7. Bolehkah saya menggunakan alamat luar negara sebagai alamat surat-menyurat?

Anda perlu menggunakan alamat di Malaysia sebagai alamat surat-menyurat untuk penghantaran kad debit.

8. Saya tidak mempunyai akaun atas nama saya, bolehkah saya memindahkan deposit permulaan menggunakan akaun orang lain (contohnya ahli keluarga atau rakan-rakan)?

Deposit permulaan minimum mesti dipindahkan daripada akaun bank anda atas nama anda sendiri dengan institusi kewangan lain di Malaysia. CIMB boleh menolak permohonan anda dan/atau menutup akaun anda jika pemindahan dana tidak memenuhi keperluan yang dinyatakan.

Contoh:

Jika nama pemohon adalah 'John Bin Mohd Joe', pemindahan deposit permulaan minimum harus dibuat dari bank lain di Malaysia dengan nama pemegang akaun 'John Bin Mohd Joe'.

9. Apa akan berlaku setelah saya menyelesaikan proses pembukaan akaun dalam talian langsung?

Setelah anda berjaya menyelesaikan proses pembukaan akaun dalam talian langsung, akaun baru akan dibuka. Anda akan diberitahu melalui SMS bahawa permohonan anda telah berjaya.

10. Bolehkah saya mengendalikan akaun yang baru dibuka?

Anda boleh mula mengendalikan akaun baru anda setelah mengaktifkan kad debit anda. Kad debit akan dihantar kepada anda melalui pos dalam tempoh 7-14 hari bekerja ke alamat surat-menyurat yang anda kemukakan semasa permohonan pembukaan akaun.

Untuk maklumat lanjut tentang pengaktifan Kad Debit, klik [sini](#).

11. Saya menerima mesej yang menyatakan “Kami tidak dapat memproses permohonan anda secara dalam talian langsung”. Mengapa?

Mungkin terdapat pelbagai punca seperti informasi tambahan yang memerlukan pengesahan lanjut dan langkah-langkah keselamatan yang menyebabkan kami tidak dapat memproses permohonan anda dalam talian langsung. Sila kunjungi mana-mana cawangan CIMB kami untuk membuka akaun.

12. Saya menerima pemberitahuan penutupan akaun, mengapa CIMB menutup akaun saya?

CIMB merizabkan hak untuk melakukan pengesahan lanjut ke atas anda sehingga tujuh (7) hari bekerja selepas pembukaan akaun yang berjaya. Sekiranya terdapat keputusan yang tidak memberangsangkan akibat daripada pengesahan lanjut, CIMB akan menutup akaun tersebut secara automatik dan anda akan dimaklumkan. Baki dalam akaun tersebut, tanpa sebarang faedah/keuntungan, akan dikembalikan ke akaun asal yang melakukan pemindahan deposit permulaan minimum semasa proses pembukaan akaun.

Pemulangan baki ke akaun asal akan dilakukan dalam tempoh tujuh (7) hari berkerja dari tarikh pemberitahuan CIMB kepada anda mengenai penutupan akaun. Sila pastikan akaun asal dapat menerima dana (contoh: tidak ditutup atau dorman) semasa tempoh ini.

13. Bagaimana saya boleh mendapatkan deposit permulaan saya jika akaun asal telah ditutup?

Jika akaun sumber dana ditutup dalam tempoh tujuh (7) hari bekerja seperti yang dinyatakan dalam Soalan 12, anda perlu menghubungi Bank melalui Pusat Hubungan/ Cawangan untuk mengatur pemulangan deposit permulaan. Wang yang tidak dikembalikan kerana penutupan/ dorman akaun asal dan tidak dituntut akan diuruskan mengikut peruntukan Akta Wang Tak Dituntut 1965. Untuk maklumat lanjut, sila hubungi kami di +603 6204 7788 atau kunjungi mana-mana cawangan CIMB.

14. Saya telah memilih akaun yang saya ingin mohon dan mengimbas MyKad/Kad Pengenalan saya, namun saya diberitahu untuk layari laman sesawang CIMB Clicks. Mengapa ini berlaku?

Anda mungkin merupakan pelanggan CIMB Account/-i sedia ada. Anda boleh membuka akaun baru dalam talian langsung melalui laman sesawang CIMB Clicks. Sila rujuk bahagian 'Pelanggan Bank Sedia Ada ("ETB")' di bawah.

15. Adakah platform ini selamat dan dilindungi?

Ya, platform ini dibina mengikut standard keselamatan industri perbankan dan dilengkapi dengan teknologi pengiktirafan wajah yang canggih untuk pengesahan yang selamat. Selain itu, ia diperkukuhkan dengan pelbagai lapisan keselamatan canggih dan teknologi enkripsi terkini untuk perlindungan dan langkah-langkah keselamatan untuk mencegah penceroboh.

Berikut adalah beberapa tip untuk memastikan keselamatan anda semasa pembukaan akaun secara dalam talian langsung:

1. Hanya gunakan peranti peribadi anda sendiri untuk pembukaan akaun dalam talian,
2. Jangan dedahkan kod OTP anda kepada sesiapa,
3. Pastikan anda membaca dan mengikuti arahan yang ditunjukkan dengan teliti,
4. Jangan kongsi dengan sesiapa pun e-mel atau sebarang surat-menyurat yang mengandungi butiran akaun anda.

Bahagian B: Jika anda adalah Pelanggan CIMB Account/-i (i.e., pelanggan yang memiliki CIMB Account/-i)

1. Saya mempunyai CIMB Account/-i, bolehkah saya membuka akaun secara dalam talian langsung?

Ya, anda boleh. Untuk memohon akaun secara dalam talian langsung, anda perlu mempunyai ID Pengguna CIMB Clicks yang aktif dan ikuti langkah-langkah di bawah.

Langkah 1: Log masuk ke laman sesawang CIMB Clicks di www.cimbclicks.com.my

Langkah 2: Pergi ke 'Mohon & Pelaburan' > 'Akaun Simpanan' dan klik butang "Mohon"

Langkah 3: Ikuti langkah-langkah yang ditunjukkan di skrin

2. Apakah akaun yang tersedia untuk permohonan melalui laman sesawang CIMB Clicks?

Akaun-akaun berikut simpanan untuk pilihan anda melalui laman sesawang CIMB Clicks selepas log masuk:

- a. Akaun AirAsia Savers
- b. Akaun Simpanan
- c. Akaun Simpanan Asas dengan fi tahunan
- d. Akaun Simpanan Asas tanpa fi tahunan

Untuk maklumat lanjut, sila layari <https://www.cimbclicks.com.my/savingAccountFeature.html>

Nota: Ada produk yang mungkin tidak tersedia untuk anda, bergantung kepada kriteria dan syarat-syarat kelayakan produk.

3. Nombor telefon bimbit yang terpapar dalam permohonan saya sudah usang, bagaimana saya boleh mengemaskini maklumat saya?

Maklumat yang terpapar dalam borang permohonan secara dalam talian langsung diperolehi daripada rekod kami.

Sila kemaskini nombor telefon bimbit yang berdaftar melalui Mesin Wang Tunai Automatik CIMB ("ATM") atau kunjungi mana-mana cawangan CIMB.

4. Saya menerima mesej ralat dan tidak dapat menyelesaikan permohonan saya (contohnya: Kami tidak dapat memproses permohonan anda secara dalam talian langsung)?

Mungkin terdapat pelbagai punca seperti butiran akaun mungkin memerlukan pengesahan lanjut dan langkah-langkah keselamatan yang menyebabkan kami tidak dapat memproses permohonan anda dalam talian langsung. Sila lawati mana-mana cawangan CIMB untuk memohon membuka akaun.

5. Mengapa saya tidak dapat membuka akaun simpanan melalui CIMB Clicks?

Pembukaan akaun baru dalam talian langsung melalui CIMB Clicks hanya tersedia untuk Pelanggan ETB yang mempunyai **CIMB Account/-i** sedia ada dan mempunyai ID Pengguna CIMB Clicks yang aktif. Jika anda bukan pengguna CIMB Clicks yang active dan hanya memiliki jenis akaun CIMB lain (iaitu kad kredit atau pinjaman/pembiayaan), anda boleh membuka **CIMB Account/-i** dalam talian melalui laman sesawang CIMB (merujuk kepada Soalan Seksyen A) atau lawati mana-mana cawangan CIMB.

6. Bolehkah saya mengendalikan akaun yang baru dibuka selepas pembukaan akaun?

Ya, anda boleh mengendalikan akaun yang baru dibuka melalui laman sesawang CIMB Clicks, Aplikasi CIMB Clicks dan /atau Aplikasi CIMB Octo.

7. Saya mempunyai banyak ID Pengguna CIMB Clicks dan banyak CIMB Account/-i. Bolehkah saya menggabungkan semua akaun dalam satu ID Pengguna CIMB Clicks untuk akses yang lebih mudah?

Ya, anda boleh. Sila ikuti langkah-langkah berikut untuk menggabungkan akaun anda:

Langkah 1: Log masuk ke laman sesawang CIMB Clicks di www.cimbclicks.com.my

Langkah 2: Pergi ke 'Perkhidmatan'

Langkah 3: Pilih 'Penyelenggaraan Akaun' > Di bawah 'Simpanan/Semasa', pilih 'Kaitkan Akaun'

Langkah 4: Pilih akaun yang anda ingin mengaitkan dan klik butang 'Hantar'

8. Adakah saya perlu meletakkan deposit permulaan sekiranya saya memiliki akaun sedia ada dengan CIMB?

Ya, anda perlu meletakkan deposit permulaan dari akaun sedia ada anda untuk melengkapkan pembukaan akaun. Inilah adalah sebahagian keperluan pembukaan akaun.